



INDUSTRI GULA DAN IMPLIKASI SOSIOEKONOMI MASYARAKAT PERLIS: SATU TINJAUAN SEJARAH (1970-1990)

Norhudi'in Danu@Danoo

Universiti Malaysia Perlis
norhudin@unimap.edu.my

ABSTRAK

Dalam sejarah perkembangan industri gula negara, Perlis merupakan sebuah negeri yang telah menempa nama dalam usaha memajukan industri gula Malaysia. Usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan dengan memberi kuasa dan kepercayaan kepada Federal Land Development Authority (FELDA) dan bekerjasama dengan Perlis Plantation Berhad (PPB) merupakan satu tindakan ideal. Ini amat bersesuaian dengan keperluan pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat pada ketika itu. Kajian ini memberi tumpuannya kepada sejarah perkembangan industri gula dan sumbangan DEB dalam memacu kemajuan industri gula Malaysia. Analisis mengenai kesan industri gula terhadap sosial dan ekonomi Perlis telah dirungkai secara terperinci melalui kajian ini. Kajian yang dilakukan adalah berbentuk Kajian Perpustakaan. Industri gula yang telah dibangunkan oleh pihak FELDA melalui rancangan pembangunan luar bandar dengan usahasama Perlis Plantation Berhad (PPB) secara amnya telah berjaya membawa industri ini kepada sebuah industri yang sangat penting kepada masyarakat Perlis. Tambahan lagi melalui hasil campurtangan pihak kerajaan melalui dasar-dasar yang telah digubal bagi memastikan hak rakyat terus terpelihara sebaiknya. Kombinasi mantap ini telah memberi implikasi positif kepada perkembangan sosioekonomi masyarakat tempatan.

Kata kunci: industri gula, sosial dan ekonomi, Perlis, Felda, Perlis Plantation Berhad.

1. PENGENALAN

Industri gula merupakan salah satu industri terpenting dunia. Ini kerana permintaan gula dalam banyak proses terutamanya industri makanan sangat tinggi. Dalam konteks pembangunan ekonomi negara, perkembangan industri gula telah membantu negara membangunkan sosioekonominya melalui penggunaan tenaga buruh. Banyak tenaga buruh diperlukan untuk menjalankan operasi di ladang tebu dan kilang gula. Peranan ini tentunya membantu mengurangkan kadar pengangguran penduduk tempatan sekaligus menaikkan taraf hidup masyarakat ke arah yang lebih baik. Kelebihan yang perlu disedari juga, negara tidak perlu mengimport gula dari luar. Proses seperti ini akan menyebabkan harga gula menjadi tinggi dan membebankan rakyat. Maka tepat pada masanya, tindakan mengusahakan penanaman tebu dan pemprosesan gula dijalankan di Malaysia.

Sungguhpun usaha kerajaan melalui FELDA adalah bertujuan untuk membangunkan tanah luar bandar sekali gus membantu membenters kemiskinan tegar dalam kalangan masyarakat Melayu, usaha ini tidak menunjukkan hasil yang memberansangkan. Maka pihak kerajaan menyedari bahawa terdapat kelongsongan yang perlu diperbaiki sebagai usaha memantapkan lagi sektor pertanian di Malaysia dan meningkatkan ekonomi orang Melayu yang agak ketinggalan.

2. SUMBANGAN INDUSTRI GULA KEPADA PERLIS

Industri gula mempunyai masa depan yang cerah dan telah banyak memacu ekonomi negeri Perlis dan negara ke arah pembangunan yang lebih stabil. Lahirnya industri gula ini dibaratkan sebagai satu rahmat kepada seluruh penduduk kerana kewujudannya telah memberi impak yang sangat besar kepada seluruh masyarakat terutamanya golongan peneroka dan pekerja kilang gula.

Episod sejarah sosioekonomi Malaysia sering dikaitkan dengan pengalamannya dalam era penjajahan khususnya semasa dalam cengkaman Inggeris. Senario yang mewarnai susur galur sejarahnya menunjukkan ada perubahan yang secara tidak langsung mencerminkan ekonomi negara yang ada pada masa kini. Perdebatan dalam kalangan sejarawan banyak membuktikan bahawa struktur ekonomi ketika itu banyak dipengaruhi oleh unsur dari barat iaitu British. Bermula ketika Penjanjian Pangkor 1874, golongan kulit putih ini telah berusaha mengaut sebanyak mungkin hasil perut bumi Tanah Melayu. Aktiviti ini berterusan sehingga Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957.

Arus pembangunan negara terus mengorak langkah ke hadapan tanpa perlu menoleh ke belakang lagi. Pembangunan yang direncanakan perlu seiring samada pembangunan di bandar mahupun di luar bandar. Pelbagai idea, rancangan dan tindakan yang telah diambil disertakan dengan penggubalan pelbagai dasar mengikut kesesuaian peredaran waktu. Negeri Perlis yang merupakan negeri paling utara di Semenanjung Malaysia dan bersempadankan dengan negara jiran Thailand, tidak terlepas dari arus pembangunan ekonomi. Kedudukannya dan saiznya yang kecil, tidak pernah membuatkan kerajaan pusat meminggirkannya dari arus pembangunan walaupun ianya agak terlewat dan terkebelakang.

3. SOSIOEKONOMI

Perusahaan tanaman tebu telah memberi sumbangan yang besar kepada sosioekonomi negeri ini. Pembukaan ladang tebu di Chuping dan Kilang Gula FELDA Perlis telah membantu anak tempatan untuk memperoleh pekerjaan sekali gus menurunkan kadar pengangguran yang telah direkodkan oleh Jabatan Kemajuan negeri Perlis ada tahun 1965 sebanyak 9,500 orang.¹ Jumlah ini dikategorikan sebagai tahap kritikal kerana melebihi 5.3 peratus jumlah pengangguran yang diangarkan oleh kerajaan.²

Sepanjang tahun 1970-1985, ekonomi negeri Perlis telah menghadapi perubahan struktur yang nyata. Pada tahun 1970, ekonominya dikuasai oleh sektor utama (pertanian) yang menyumbang hampir 69 peratus terhadap KDNK dan 70 peratus gunatenaga. Pada tahun 1980, sumbangan sektor utama menurun iaitu 44 peratus terhadap KDNK dan 50 peratus terhadap gunatenaga. Terdapat peningkatan sumbangan sektor industri gula terhadap KDNK di mana dalam tahun 1970-an sektor ini menyumbang sebanyak 5 peratus kepada KDNK. Peratusan sumbangannya melonjak kepada 15 peratus pada tahun 1980.³

¹ Jabatan Kemajuan Negeri Perlis, Unit Perancangan Pembangunan Negeri Perlis, Jabatan Perdana Menteri, 1970, hlm. 7.

² Pejabat Kemajuan Negeri Perlis, Unit Perancangan Pembangunan (UPP), Jabatan Perdana Menteri, Maklumat Asas dan Profail Negeri Perlis, 1970, hlm. 8.

³ Negeri Perlis Indera Kayangan, Taklimat Rancangan Malaysia Keenam kepada YB Ketua Setiausaha Negara pada 18 Februari 1991, hlm. 5-6.

Pembangunan sektor pembuatan seperti industri gula telah menyumbang peningkatan KDNK dan gunatenaga yang terdiri dalam kalangan masyarakat tempatan. Pihak ladang tebu memerlukan tenaga buruh yang ramai untuk bekerja secara borong ketika musim menuai. Keperluan ini kian meningkat setiap tahun sehingga memaksa pihak pengurusan ladang mengeluarkan iklan di surat khabar tempatan bagi tujuan mendapatkan pekerja ladang.⁴

Industri gula Perlis bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri bahkan juga kepada pembangunan ekonomi negara. Setiap tahun KGFP membayar cukai korporat kepada kerajaan pusat hampir RM50,000 pada tahun 1975 dan terus meningkat sehingga RM100,000 ribu pada tahun 1990. Manakala bayaran cukai tanah dibayar terus kepada Pejabat Tanah dan Galian negeri Perlis dengan kadar bayaran RM1 juta setiap tahun bermula dari tahun 1973 dan meningkat kepada RM3 juta pada tahun 1990. Bayaran cukai ini ditanggung oleh tiga badan yang terlibat dengan industri gula Perlis iaitu PPB, FELDA dan KGFP.⁵

Kilang Gula FELDA Perlis juga sentiasa memainkan peranannya memberi sumbangan kepada pembangunan sosioekonomi Chuping kepada kehidupan yang lebih maju dan berdaya saing. Sebagai contoh, pembinaan rumah-rumah kuarters untuk kakitangan kilang dan ladang. Selain dari berperanan menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan, kewujudan industri gula di Chuping telah menjadikan kawasan ini lebih terkawal dan selamat untuk didiami. Kehadiran industri ini juga telah merancakkan perniagaan hiliran seperti pengangkutan, kontrak pembersihan kawasan, pembekal barangan keperluan pejabat urusan kilang dan sebagainya. Perkara seperti ini telah mendorong kepada penghijrahan masyarakat Perlis ke Chuping dan bermastautin di kawasan sekitar. Hasilnya, ekonomi semakin berkembang kerana secara teorinya setiap individu yang bekerja, berumahtangga dan berbelanja di negeri ini, sekali gus menjadikan ekonomi semakin rancak.

Dari tahun 1973 hingga ke hari ini, Sekolah Kebangsaan dan Masjid Chuping telah mendapat bekalan air percuma hasil dari penemuan sumber air oleh KGFP di kawasan Air Timbul. Air ini kemudiannya dimanfaatkan untuk kegunaan kilang sepenuhnya. Bagi tujuan penyelenggaraan sumber air, pihak kilang telah membina jalanraya berturap sejauh lima kilometer dari kilang ke lokasi terbabit.⁶ Pembinaan jalanraya ini juga memudahkan urusan masyarakat setempat untuk berhubung antara satu sama lain. Pada tahun 1975 juga telah dibina jalanraya berturap sejauh 16 kilometer dari kilang menuju ke persimpangan kilang simen, hasil sumbangan pihak kilang gula. Pembinaan jalanraya berturap ini telah membantu menyenangkan urusan perhubungan antara masyarakat.

Kilang Gula FELDA Perlis sentiasa menjaga kebajikan kakitangan mereka mengikut peredaran masa dan kesesuaiannya. Seawal tahun 1974 iaitu selepas tiga tahun penubuhan kilang gula, koperasi Gula Perlis telah diwujudkan dengan kumpulan pengasas seramai 80 orang. Banyak faedah yang diperolehi oleh semua ahli koperasi yang berdaftar

⁴ *Berita Harian*, 21 September 1989, *The Star*, 22 September 1989.

⁵ Temuramah bersama En. Mohd Affendi bin Bakhtiar, Eksekutif Kewangan Kilang Gula Felda Perlis Sdn. Bhd. Pada 1 Ogos 2013 di Pejabat KGFP.

⁶ Temuramah bersama YB Shukur Sultan, Penasihat Kilang Gula Felda Perlis Sdn. Bhd. Pada 18 Februari 2013 di Pejabat KGFP.

seperti pinjaman untuk membeli barang keperluan seperti motosikal dan peralatan rumah.⁷ Selain itu pihak koperasi Gula Perlis akan memberi faedah dari keuntungan pelaburan kepada semua ahli mereka. Apa yang lebih menarik lagi ialah, semua ahli akan membuat potongan RM1 setiap bulan untuk mengisi tabung khairat kematian. Tabung ini digunakan untuk membantu ahli yang ditimpa musibah seperti kematian ahli keluarga terdekat. Semua ahli koperasi amat berbangga dengan kejayaan pengurusan pihak pentadbiran koperasi Gula Perlis kerana telah menerima anugerah Koperasi Cemerlang pada tahun 1992.⁸ (lampiran 4.1). Kebajikan kakitangan ladang tebu dan kilang gula tidak pernah dipandang enteng oleh pihak pengurusan syarikat. Bagi memastikan kebajikan mereka sentiasa terjamin, pihak syarikat telah menyediakan buku panduan dan menyusun segala peraturan mengikut Akta Buruh 1955.

Keghairahan pihak syarikat untuk mendapat keuntungan berlipat ganda setiap tahun, tidak pernah membuatkan mereka lupa kepada tanggungjawab sosial. Industri gula Perlis telah banyak membantu kerajaan negeri dari segi pembangunan terutamanya di kawasan Chuping. Banyak kemudahan infrastuktur telah diperbaiki untuk kemudahan kakitangan dan warga tempatan seperti jalanraya, pembinaan rumah untuk kakitangan, kemudahan pengangkutan dan sebagainya. Perbandingan dapat dilihat dengan jelas, sebelum dan selepas perusahaan industri gula Perlis bertapak di Chuping. Contohnya pembinaan jalanraya berturap dari kilang simen ke kilang gula sepanjang 16 kilometer adalah sumbangan PPB, pembinaan jalanraya ini siap sepenuhnya pada tahun 1972 yang menelan belanja sebanyak RM863,500.⁹ Pembinaan jalanraya berturap sepenuhnya ini adalah bertujuan untuk memudahkan perhubungan kilang gula dengan masyarakat luar dan dalam masa yang sama membantu memudahkan urusan keluar masuk pekerja dari kediaman mereka ke tempat kerja. Pihak syarikat juga beranggapan bahawa, ini adalah salah satu dari tanggungjawab sosial pihak syarikat kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat dan negeri Perlis sendiri.¹⁰

Pada tahun 1973, pihak PPB menyerahkan urusan penyelenggaraan jalanraya ini kepada pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis sepenuhnya.¹¹ Pihak syarikat juga tidak pernah berasa berat untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan khususnya warga tempatan disaat mereka memerlukan bantuan seperti bantuan untuk melanjutkan pelajaran, perubatan dan bencana alam. Contohnya sumbangan bencana banjir sebanyak RM100,000 telah disampaikan kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Koh Tsu Koon oleh Datuk T.K. Lim, Ketua Eksekutif PPB pada 22 November 1995.¹² Pihak kilang gula juga merupakan pembekal air bersih kepada penduduk sekitar ketika berlangsungnya majlis-majlis perkahwinan dan juga semasa bekalan air paip mendapat gangguan. Ini kerana, kilang gula memiliki sumber air mineralnya sendiri hasil cari gali yang dilakukan bagi tujuan perusahaan ladang dan pemprosesan gula. Bantuan air ini telah dilakukan sejak tahun 1970-an hingga ke hari ini. Kelebihan memiliki sumber air mineral yang dimiliki oleh kilang gula Perlis ini bukan sahaja memudahkan urusan pengendalian syarikat mereka, malah ianya memberi impak yang sangat besar kepada penduduk tempatan. Pendekatan pihak kilang gula iaitu 'apa yang mereka perolehi di tanah bertuah

⁷ *Utusan Malaysia*, 15 November 1994.

⁸ *Utusan Malaysia*, Selasa 15 November 1994: Koperasi Gula Perlis Berhad cemerlang.

⁹ Laporan Tahunan, Perlis Plantation Berhad, Kuala Lumpur: Peoenix Press Sdn. Bhd, 1972, hlm. 9.

¹⁰ Laporan Tahunan, Perlis Plantation Berhad, Kuala Lumpur: Peoenix Press Sdn. Bhd, 1972, hlm. 10.

¹¹ Surat Bertarikh 19 Ogos 1973, "Penyerahan Semula Jalanraya Sepanjang 16 Kilometer Kepada JKR, Perlis Untuk Diselenggara".

¹² *The Star*, 20 Disember 1995. CM Hails Tenaga 'Positive' move.

ini, perlu dikembalikan kepada penduduk sekitarnya' adalah satu pendekatan yang perlu dicontohi oleh mana-mana industri yang ingin membangun agar dapat bertahan seperti industri gula Perlis yang menjangkau usia 43 tahun.¹³

Selain itu pihak syarikat sentiasa menitikberatkan kesihatan dan keselamatan pekerjaanya.¹⁴ Kesihatan pekerja amat penting bukan hanya kerana memberi implikasi kepada pengeluaran syarikat, malah masalah kesihatan juga mengancam keselamatan penduduk tempatan. Memandangkan keperluan tenaga buruh di ladang sangat tinggi setiap kali musim menuai dan penduduk tempatan kurang berminat untuk kerja-kerja di ladang, maka pihak syarikat terpaksa mengambil pekerja dari negara jiran Thailand untuk memenuhi keperluan tenaga buruh pada musim menuai (April-Julai). Kemelut kekurangan tenaga buruh tempatan ini telah bermula selepas tahun 1975 dan berlarutan hingga tahun 1990.¹⁵

Pihak syarikat sentiasa bertanggungjawab dengan tindakan yang dilakukan. Setiap seorang pekerja Thai yang dibawa masuk akan dipastikan bebas dari kuman. Menurut Pegawai Perjawatan PPB, En. Shukor Sultan:¹⁶

“Jika terdapat di antara mereka membawa kuman sesuatu jenis penyakit, pihak syarikat tidak teragak-agak untuk mengarahkan pekerja berkenaan pulang dan nama mereka akan disenaraihitamkan bagi pengambilan akan datang.”

Walaupun terdapat kemasukan pekerja ladang dalam kalangan warga Thailand seramai 1400 orang setiap tahun (1976-1990), pihak pengurusan syarikat menjanjikan keselamatan yang baik kepada penduduk tempatan. Ini menunjukkan bahawa, syarikat perusahaan gula Perlis ini sentiasa bertanggungjawab dalam apa juga perkara yang mereka lakukan. Perkara ini dinyatakan oleh Pegawai Perjawatan PPB, En. Shukor Sultan ketika diajukan soalan oleh pihak media mengenai keselamatan kawasan sekitar Chuping selepas kemasukan warga asing sebagai pekerja ladang tebu.¹⁷

“Pekerja-pekerja berkenaan dikehendaki turun ke ladang pukul 7 pagi dan pulang ke rumah kongsi mereka pada pukul 7 petang. Selepas pukul 7 petang mereka dikehendaki berada dirumah kongsi dengan kawalan oleh kontraktor-kontraktor yang bertanggungjawab membawa masuk mereka bekerja di ladang tersebut. Terdapat 15 kontraktor tempatan bertanggungjawab menguruskan kemasukan pekerja-pekerja Thai itu”.

Senario ekonomi negeri yang sedang membangun seperti negeri Perlis ini wajar diberi perhatian yang serius bagi memastikan kejayaan dapat dinikmati oleh seluruh masyarakat tempatan. Tindakan pihak kerajaan pusat dengan menempatkan industri gula di Perlis adalah satu tindakan bijak dan tepat. Industri ini telah memberi impak yang sangat

¹³ *Far Eastern Economic Review*, 28 Disember 1995 dan 4 Januari 1996.

¹⁴ Kilang Gula FELDA Perlis Sdn. Bhd menyediakan Buku Panduan untuk pekerja. Buku panduan ini menyatakan segala yang berkaitan dengan etika, hak pekerja, penyelarasan cuti, kemudahan bantuan rawatan dan kesihatan, elaun dan kemudahan yang disediakan. Penyediaan buku panduan ini adalah berlandaskan kepada Akta Buruh 1955.

¹⁵ *Berita Harian*, 9 September 1991.

¹⁶ *Utusan Malaysia*, 12 Disember 1993.

¹⁷ *Berita Harian*, 22 Januari 1991. 1400 rakyat Thai sentiasa dikawal.

besar kepada pembangunan sosioekonomi negeri Perlis secara menyeluruh. Kehadiran industri gula di Perlis boleh diibaratkan sebagai satu rahmat oleh penduduk tempatan.

Kemunculan industri gula telah menyumbang kepada usaha kerajaan untuk membuat penggantian barangan import kepada industri pembuatan barangan tempatan. Pada 1960 telah menyaksikan permulaan perkembangan industri gula dan industri automobil di Malaysia. Kemunculan dan kemajuan industri ini berada di bawah kawalan Akta Galakan Pelaburan dan mendorong kepada pembentukan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).¹⁸ MIDA berperanan menjadi agen kepada kerajaan untuk menyalurkan insentif kepada industri pembuatan yang baru memulakan perusahaannya agar dapat berdaya saing sekali gus menurunkan kadar import barangan luar dan memajukan industri berorientasikan eksport di negara ini. Perkembangan industri ini telah mengubah corak ekonomi Malaysia (1980) dari ekonomi berdasarkan komoditi kepada industri pembuatan.¹⁹ Secara jelasnya industri gula Perlis telah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan sosioekonomi masyarakat terutamanya dari segi pengurangan kadar pengangguran melalui penawaran peluang pekerjaan yang luas kepada warga tempatan. Kadar pengangguran yang dicatatkan di negeri ini pada tahun 1965 adalah sebanyak 10.8 peratus dan menurun kepada 4.4 peratus pada 1990. Industri gula Perlis sendiri telah menyumbang sebanyak 2.5 peratus kadar pengangguran di negeri ini dalam jangka masa lima tahun (1985-1990)²⁰ Penurunan kadar pengangguran akan mendorong kepada penurunan kadar kemiskinan luar bandar. Proses ini akan memberi kesan kepada peningkatan taraf hidup, pendidikan dan taraf sosial masyarakat.²¹

Selain dari memberi sumbangan terhadap peluang pekerjaan, industri gula Perlis juga merupakan ikon kepada negeri ini. Ladang tebu menjadi mercu tanda dan pintu gerbang yang sangat membanggakan penduduk tempatan kerana pemandangannya yang hijau menarik minat para pelancong untuk datang menikmati keindahan alam semulajadi ini.

4. PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

FELDA telah membentuk satu persekitaran sosial yang diperlukan bagi masyarakat desa untuk menjadi rakyat yang sempurna dalam negara. Objektif sosial penempatan FELDA adalah untuk membina penempatan-penempatan baru yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan awam dan perkhidmatan-perkhidmatan sosial sama seperti apa yang terdapat dalam komuniti-komuniti separa bandar.²²

Industri gula yang bertapak di Chuping sejak tahun 1970 telah menjadikan kawasan ini membangun seiring dengan pembangunan bandar. Kemudahan-kemudahan asas seperti jalan masuk, jalan kampung, bekalan air, bekalan elektrik, sekolah dan klinik juga telah disediakan bagi memudahkan urusan masyarakat setempat. Bekalan elektrik untuk penduduk di Chuping diselenggara oleh Jabatan Kerja Raya negeri Perlis, namun bagi

¹⁸ Bahagian Pembangunan Ekonomi dan Sosial, Malaysia, Fiji: "FAO Corporate Document Repository of The Fiji", *Asia Pacific Sugar Conference*, 1997.

¹⁹ Bahagian Pembangunan Ekonomi dan Sosial, Malaysia, Fiji: "FAO Corporate Document Repository of The Fiji", *Asia Pacific Sugar Conference*, 1997.

²⁰ Pejabat Kemajuan Negeri Perlis, Unit Perancangan Pembangunan (UPP), Jabatan Perdana Menteri, Maklumat Asas dan Profail Negeri Perlis 1970 dan 1990.

²¹ Khadijah Muhamed dan Halimah Awang, *Dasar Ekonomi Baru dan Masa Depan*, hlm. 49.

²² Tunku Shamsul Bahrin, P.D.A Perera, Lim Heng Kow, *Kemajuan Tanah dan Penempatan Semula di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 1992, hlm. 271.

kegunaan operasi kilang, pihak kilang menjana bekalan elektriknyanya sendiri dengan menggunakan kaedah stim bahan bakar terpakai dan menggunakan sumber bekalan air mineral hasil carigali pihak syarikat.

Peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk FELDA negeri Perlis telah diperuntukan sebanyak RM17,640,609 untuk tujuan pembangunan infrastuktur.

Jadual 4: Pecahan Peruntukan FELDA Perlis, Rancangan Malaysia Kelima.

Bil	Perkara	Jumlah	Peratus
1	Kemudahan Mengurus	RM 100,000	0.63%
2	Pembangunan Utama	RM 8,532,630	53.42%
<u>Infrastuktur</u>			
3	Jalanraya	RM 4,795,000	30.02%
4	Bekalan Air	RM1,700,00	10.64%
5	Bekalan Elektrik	RM 844,956	5.29%
6	Kemudahan Sosial	-	-

Sumber: Laporan Pembangunan FELDA, negeri Perlis 1980, hlm. 12.

Berdasarkan jadual 4.1 di atas, FELDA telah memperuntukan sebanyak RM15,972,586 untuk rancangan pembangunan FELDA bagi tahun 1975-1980. Peruntukan tertumpu kepada pembangunan infrastuktur seperti jalanraya, bekalan air dan elektrik serta kemudahan sosial yang lain. Peruntukan paling tinggi diberi kepada peruntukan untuk tujuan pembangunan utama iaitu rumah-rumah untuk peneroka sebanyak RM8,532,630 yang melibihi dari separuh peruntukan keseluruhan iaitu 53.42 peratus. Agihan peruntukan ini adalah bersesuaian dengan matlamat DEB untuk menyusun semula masyarakat bagi mencapai kehidupan yang lebih selesa.

Jadual 4.2: Pecahan Peruntukan FELDA Perlis, Rancangan Malaysia Keenam.

Bil	Perkara	Jumlah	Peratus
1	Kemudahan Mengurus	RM 2,762,289	15.7%
2	Pembangunan Utama	RM 7,342,890	41%
<u>Infrastuktur</u>			
3	Jalanraya	RM 5,035,040	28.5%
4	Bekalan Air	RM2,286,990	13.0%
5	Kemudahan Sosial	RM 213,400	1.2%

Sumber: Laporan Pembangunan FELDA, negeri Perlis 1985²³

Jadual 4.2 di atas, memaparkan jumlah peruntukan FELDA bagi tahun 1981-1985 sebanyak RM17,640,609. Jumlah peruntukan ini meningkat sebanyak RM1,668,023 dari peruntukan sebelumnya (1975-1980). Agihan peruntukan juga berubah iaitu tidak diperuntukan untuk bekalan elektrik sebaliknya memberi tumpuan yang lebih kepada pembinaan jalanraya bagi tujuan memudahkan perhubungan darat supaya penduduk lebih selesa dan selamat. Pembangunan utama seperti pembinaan rumah untuk peneroka masih diberi keutamaan dalam agihan peruntukan walau pun jumlah peruntukannya lebih rendah

²³ Laporan Pembangunan FELDA Negeri Perlis 1985, hlm. 12.

dari Rancangan Malaysia Kelima iaitu sebanyak RM7,342,890. Peruntukan untuk pembinaan jalanraya dipertingkat bagi tujuan memodenkan ekonomi luar bandar yang akan memberi kesan reformasi stuktur dan institusi.

5. KESAN JANGKA PENDEK DAN PANJANG

Kemantapan ekonomi sesebuah industri dalam menghadapi cabaran arus pembangunan banyak dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi global. Malah, keadaan ekonomi global yang tidak menentu ini merupakan cabaran besar kepada daya saing pembangunan ekonomi yang mampan. Dalam membuat pemerhatian dan analisis mengenai kesan industri gula kepada negeri Perlis, didapati padanya kesan jangka pendek dan panjang yang mencakupi unsur positif dan negatif.

30 tahun yang lalu, Malaysia telah muncul sebagai salah satu negara perdagangan utama, perkara ini didorong oleh pertumbuhan kukuh dalam sektor perindustrian.²⁴ Kesan jangka panjang yang dilihat melalui pembangunan industri gula Perlis, dijangka boleh membawa perkembangan ekonomi yang positif dan berdaya saing dengan pertumbuhan KDNK sebenar diramal meningkat sejajar dengan pembangunan ekonomi negara. Gambaran lebih jelas dapat dilihat melalui pendapatan per kapita penduduk negeri ini mencecah sehingga RM1,101 setahun. Negeri ini disenaraikan sebagai negeri kedua termiskin selepas Kelantan.

Jadual 4.3: Pertumbuhan KDNK dan KDNK Per Kapita di Perlis (1970-1980)

Keluaran Dalam Negeri		Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan	KDNK Per Kapita		Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan
1971	1980		1971	1980	
828	1,463	6.5	728.3	1,101	4.7

** Catatan: Negeri Perlis disenaraikan sebagai negeri berpendapatan rendah.
Sumber: *Rancangan Pembangunan Negeri Perlis, Pejabat SUK Perlis 1981*²⁵

Jadual 4.3 menunjukkan perubahan dalam agihan pendapat penduduk negeri ini dari tahun 1971-1980. Pada tahun 1980 KDNK meningkat sebanyak RM635 dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 6.5. Walaupun negeri ini masih disenaraikan sebagai negeri kedua termiskin selepas Kelantan pada tahun 1980, namun peningkatan KDNK bagi penduduk amat memberansangkan.

Selain dari itu industri gula yang diklasifikasikan sebagai industri pembuatan merupakan salah satu industri terawal yang mula muncul dan berkembang dipersada ekonomi negara.²⁶ Jika sebelum tahun 1959, negara kita mengimport gula dari luar untuk tujuan harian dan juga industri pembuatan makanan, namun kini industri gula Malaysia telah menjadi ikon kepada perkembangan industri pembuatan makanan seperti biskut, ais-krim,

²⁴ Channa de Silva, Abdourahamane Hassane, Darin McKeever, Henry Money dan Ahmad Shariff, "Microeconomics of Competitiveness", Havard Kennedy School: *Malaysia's Financial ServicesCluster*, 2008, hlm. 3.

²⁵ Rancangan dan Pembangunan Negeri Perlis, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, 1981, hlm. 39.

²⁶ Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Malaysia Edisi Ketiga*, hlm. 59.

gula-gula, milo, coklat dan banyak lagi. Pada akhir tahun 1960-an, kempen mengalakkan industri-industri yang berintensif buruh dan berorientasikan eksport telah dijalankan secara besar-besaran. Kedatangan modal asing semakin menggalakkan. Sehingga akhir tahun 1972 projek-projek perindustrian Malaysia lebih condong kepada industri untuk eksport di samping memenuhi permintaan pasaran tempatan, dan juga pasaran dunia.²⁷ Perkembangan ini telah membawa kepada penurunan kadar kemiskinan secara mendadak, dan lain-lain petunjuk sosial telah bertambah baik dalam tempoh tersebut. Kerajaan Malaysia telah secara aktif menyokong pembangunan ekonomi melalui satu siri strategi ekonomi jangka panjang, yang bertujuan untuk pertumbuhan dan perpaduan negara.²⁸

Dasar ekonomi dan pembangunan yang bertujuan untuk memodenkan amalan pertanian dan mempelbagaikan tanaman, dan dasar-dasar perindustrian tertumpu kepada penggantian import dan pelaburan kerajaan. Dasar-dasar ini telah berjaya dalam meningkatkan pengeluaran pertanian dan mewujudkan industri asas serta memberi tumpuan kepada sektor ekstraktif. Perkembangan industri gula menyaksikan pengeluaran industri ini bukan sahaja untuk pelanggan di negara sendiri tetapi diperhebat kepada ekport ke luar negara yang membantu mendefisitkan hutang negara.²⁹ Perkara ini boleh tercapai melalui peningkatan cukai industri dan pemberian subsidi perlu dirasionalkan semula berlandaskan kepada signifikan penyaluran dan penggunaan sumber dalam industri. Kepesatan pembangunan sektor industri akan membantu mengurangkan taraf keberhutangan negara.³⁰ Pelaksanaan ini akan menyaksikan kejayaan DEB yang terlibat secara langsung dalam perusahaan yang produktif, terutamanya dalam sektor perniagaan dan perindustrian yang telah bermula dalam tempoh 1971 hingga 1990.

Kesan jangka panjang industri gula juga boleh dilihat dari sudut perkembangan sektor pertanian yang kian dipandang remeh dimata rakyat. Industri gula telah menempatkan sektor pertanian kepada satu tahap yang lebih baik dengan jumlah keluasan tanah yang melebihi 10,000 ekar dan stuktur pengurusan yang lebih moden dan teratur. Usaha ini menjadikan sektor pertanian di Perlis khususnya dan di Malaysia amnya menjadi salah satu sektor ekonomi yang berdaya saing bukan sahaja di peringkat nasional malahan diperluaskan lagi ke peringkat antarabangsa. Kejayaan pihak kerajaan menyusun pola guna tanah pertanian mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tingkat pengeluaran pertanian seperti kesesuaian tanaman tebu di Perlis.³¹ Kesesuaian tanah, iklim dan pengurusan yang cekap telah mengeluarkan hasil pertanian yang lumayan sepanjang tahun bermula dari tahun 1973-1990.

Beberapa kesan jangka pendek telah dikenal pasti melalui perusahaan industri gula Perlis. Implikasi jangka pendek industri gula adalah berteraskan kepada pertumbuhan ekonomi mampan dengan mengekalkan kualiti dan mempertingkatkan kuantiti pengeluaran. Usaha ini dipertingkatkan melalui capaian target produktiviti setiap tahun dengan

²⁷ J. Jegathesan, "Industrial Development, Policy and Prospect", Kuala Lumpur: *The International Economics Order and UNCTAD IV: The Implication of Malaysia*, 1975.

²⁸ Channa de Silva, Abdourahamane Hassane, Darin McKeever, Henry Money dan Ahmad Shariff, "Microeconomics of Competitiveness", hlm. 3.

²⁹ Rebeca Fatima Sta. Maria, "Providing a Supportive investment Climate and Industrial Policy", Kuala Lumpur: *MITI*, 2006.

³⁰ Tanpa Nama Penulis, *Dasar model Ekonomi Baru, Hala Tuju untuk Malaysia*, Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, 2000, hlm. 63.

³¹ Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Malaysia Edisi Ketiga*, hlm. 39.

kebijaksanaan menggunakan sumber sedia ada. Peningkatan hasil pengeluaran akan memberi kesan kepada agihan dividen peneroka dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri. Kesan positif jangka pendek pertumbuhan ekonomi industri ini adalah melalui sumbangan yang dikeluarkan oleh pihak syarikat untuk memberi bantuan kepada masyarakat seperti bantuan bencana alam³² dan meningkatkan keselamatan negeri melalui pengaktifan pembangunan di kawasan Chuping. Ini kerana kedudukan kawasan ladang dan perindustrian gula ini terletak bersempadan dengan negara jiran Thailand dan banyak mengundang isu negatif sehingga mengancam keselamatan penduduk dan negara seperti penculikan, pembunuhan, gangguan seksual dan sebagainya.³³ Penempatan industri gula Perlis di Chuping telah memberi kesan positif terhadap isu keselamatan penduduk tempatan yang pada mulanya sering terancam dengan kemasukan warga asing secara haram dari kawasan sempadan.

Kepesatan pembangunan industri gula Perlis telah membuka ruang yang luas kepada penduduk tempatan untuk mengisi keperluan guna tenaga di ladang tebu dan juga di kilang gula. Hampir setiap tahun industri gula Perlis mengiklankan keperluan guna tenaga di kawasan ladang. Seramai 1350 orang buruh diperlukan untuk mengisi jawatan sebagai pengutip tebu seramai 40 orang, penanam tebu 430 orang, 370 pekerja biasa, 40 kawalan penyakit dan lain-lain perkerjaan sebanyak 20 orang.³⁴ Jelas bahawa industri ini mendukung matlamat DEB untuk membasmi kemiskinan dengan menggunakan strategi peningkatan peluang pekerjaan melalui penglibatan rakyat tempatan dalam sektor ekonomi secara progresif.³⁵ Penglibatan warga tempatan dalam sektor ekonomi akan membantu meningkatkan taraf hidup ke arah yang lebih baik dan berdaya saing.

Selain itu, implikasi jangka pendek industri gula Perlis juga dapat dilihat dari sektor pelancongan. Keindahan alam semulajadi memberi pandangan yang menarik kepada pelancong yang hendak berkunjung ke Padang Besar dan melewati jalan ladang tebu ini. Pembangunan industri gula Perlis yang semakin stabil telah menarik perhatian pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara untuk menyemarakkan lagi sektor perindustrian di Perlis khususnya dan di Malaysia amnya. Pelabur yang terlibat dalam industri gula Perlis terdiri dari 'Sugar Buyer' dan pelabur pasaran saham gula. Sugar Buyer ini akan membeli gula dalam kuantiti yang besar untuk tujuan industri pembuatan makanan, ubat-ubatan, bahan pengawet dan sebagainya. Tahun 1988 telah mula memperlihatkan keterlibatan pelabur luar yang mula melabur kepada industri gula Perlis seperti Lembaga Tabung Haji, HSBC (Kuala Lumpur) Nominees Sdn. Bhd., Nai Seng Sdn. Bhd., Pemegang Amanah Raya Malaysia, Mitsui & Company Limited, Nissin Sugar Manufacturing dan banyak lagi.³⁶

Jadual 4.4: Jumlah Pelaburan Pemegang Saham Industri Gula Perlis

Tahun	Jumlah Pelaburan (juta)
1988	RM635.0
1989	RM739.8
1990	RM852.1

Sumber: Annual Report Perlis Plantation Berhad, Statement of Shareholdings, 1993, hlm. 55.

³² The Star, 20 Disember 1995.

³³ The Star, 14 April 1976, New Straits Times, 4 April 1976, Nan Yang Siang Poh, 9 April 1976.

³⁴ Utusan Melayu, 6 Oktober 1990.

³⁵ Khadijah Muhamed dan Halimah Awang, Dasar Ekonomi Baru dan Masa Depan, hlm. 38.

³⁶ Annual Report Perlis Plantation Berhad, Statement of Shareholdings, 1993, hlm. 56.

Jadual 4.4 di atas menunjukkan kepesatan pembangunan yang dibawa oleh industri gula Perlis telah menarik minat pelabur luar untuk melabur dan menjadi pemegang saham dalam industri ini. PPB mula membuka sahamnya kepada para pelabur pada tahun 1988. Tahun-tahun sebelumnya, saham syarikat hanya dimiliki oleh Kuok Brothers sahaja. Tahun 1988, jumlah saham bagi industri ini adalah sebanyak RM635 juta dan meningkat kepada RM739.8 juta pada tahun 1989 dan RM852.1 juta pada tahun 1990. Keyakinan pelabur terhadap pengeluaran dan pencapaian syarikat ini yang menjadi syarikat perintis kepada perkembangan industri gula di Malaysia telah berjaya menarik minat pelabur untuk menanam saham mereka di dalam arena industri pemprosesan gula.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa pertumbuhan industri gula Perlis banyak memberi kesan positif kepada pekerja, masyarakat tempatan, negeri Perlis dan negara Malaysia, namun industri ini juga tidak dapat lari dari kesan negatif yang memerlukan pihak syarikat sentiasa peka terhadap persekitarannya. Sebagai contoh, kesan dari pembakaran terbuka di ladang tebu untuk tujuan mengutip hasil pada musim menuai, pembakaran terbuka ini telah mengundang rasa tidak selesa penduduk tempatan.³⁷ Pencemaran udara disebabkan oleh pembakaran ladang tebu telah mengundang kepada kejadian 'el-nino' yang meningkatkan kadar bacaan IPU, sering disuarakan oleh penduduk negeri ini kerana mengundang kesan negatif kepada kesihatan penduduk seperti mudah dijangkiti batuk selsema dan juga alahan. Namun begitu, tiada catatan IPU telah dinyatakan dan direkodkan dalam mana-mana laporan pihak yang berkenaan. Perkara ini hanya didengar melalui keluhan penduduk sekitar dan dipapar di dada akhbar. Pertanian jenis pindah ini juga memberi kesan kepada pencemaran air, tanah dan udara yang disebabkan oleh penyemburan racun serangga, penggunaan baja kimia yang telah menjadi penyumbang kepada hujan asid pada skala yang kecil.

Selain itu, industri gula Perlis juga tidak dapat lari dari mengimport pekerja dari negara jiran Thailand kerana peningkatan kuantiti pengeluaran setiap tahun.³⁸ Tambahan pula sikap penduduk tempatan yang tidak mahu bekerja sebagai buruh ladang menambahkan lagi kesukaran pihak pengurusan ladang tebu. Kesukaran untuk mendapatkan buruh tempatan terpaksa dihadapi oleh pihak ladang tebu hampir saban tahun bermula dari tahun 1976. Apabila pengambilan pekerja asing ini dilakukan, maka timbul isu pembawa penyakit berjangkit yang boleh membahayakan kesihatan penduduk tempatan.³⁹ Dari segi kawalan terhadap buruh juga menjadi kesan negatif kepada industri gula kerana aduan penduduk tempatan mengenai isu keselamatan.⁴⁰ Dari segi ekonomi pula, pengambilan buruh asing akan mendorong kepada aliran wang keluar negara yang tinggi dan akan menjadi cabaran dalam pasaran global.⁴¹ Ini kerana warga asing yang bekerja sebagai buruh kasar kebiasaannya tidak membelanjakan wangnya di negara ini sebaliknya menghantar upah ke negara mereka sendiri. Perkara seperti ini boleh merencatkan perkembangan ekonomi negara yang sedang membangun.

Apa juga kesan industri gula di negeri ini sama ada jangka panjang atau pendek, positif mahu pun negatif telah dapat ditangani dan diselenggara dengan baik oleh pihak

³⁷ *Berita Harian*, 16 Mac 1993, *Utusan Malaysia*, 7 Februari 1992.

³⁸ *Berita Harian*, 9 September 1991.

³⁹ *Utusan Malaysia*, 12 Disember 1993.

⁴⁰ *Utusan Malaysia*, 22 Januari 1991

⁴¹ *Utusan Malaysia*, 6 April 1990.

pengurusan KGFP. Perkara ini dapat dibuktikan melalui peningkatan hasil pengeluaran yang berterusan dan memberi implikasi positif terhadap pembangunan sosioekonomi Perlis. Sebagai orang awam yang telah diberi peluang untuk memajukan diri dan ekonomi keluarga serta menyumbang kepada pembangunan negeri, hendaklah bijak menggunakan segala peluang dan ruang yang diberikan dengan sebaiknya secara konsisten. Pihak kerajaan sentiasa merancang dan melaksanakan segala perkara yang boleh memacu sosioekonomi rakyat kepada tahap yang memberansangkan.

Hakikat yang perlu disedari dan diketahui umum bahawa, melalui perusahaan industri gula ini telah lahirnya seorang tokoh yang dikenali sebagai 'Raja Gula Malaysia'. Robert Kuok adalah peneraju kepada kepesatan pembangunan industri gula di Malaysia. Jatuh bangunnya industri gula ini tidak akan dapat menolak kebenaran bahawa beliau merupakan seorang yang sangat berjasa dalam memajukan industri gula di Malaysia sejak tahun 1959 lagi.⁴² Kepakaran dan hubungan perniagaannya yang sangat luas telah menempatkan industri gula ini disatu tempat yang tinggi dan kukuh.⁴³ Tambahan pula sokongan dan dorongan dari pihak kerajaan berdasarkan kepada dasar-dasar yang dibentuk dengan tujuan untuk memajukan sektor ekonomi negara seiring dengan negara maju yang lain. Dalam tempoh 1971-1980, dasar-dasar yang menggalakkan perkembangan sektor perindustrian telah dilaksanakan dengan tujuan untuk mewujudkan perubahan penting dalam sektor ini sebagai langkah untuk mempelbagai dan mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara.⁴⁴

6. DEB, GULA DAN IMPLIKASI

Pembangunan sektor industri di negara ini telah menjadikan sektor pertanian kian merosot dan kurang mendapat perhatian dalam kalangan rakyat tempatan, ini kerana sektor pertanian tidak mewujudkan tingkat upah yang memuaskan.⁴⁵ Perniagaan keluarga Kuok merupakan salah satu contoh syarikat yang membawa ekonomi negara ke tahap yang lebih baik dan berkembang pesat. Peningkatan pelaburan Kuok Brothers lebih hebat lagi kerana berasaskan kepada dasar-dasar pelaburan Keluaran Negara Kasar (KNK)⁴⁶ yang menggalakkan pelabur tempatan dan asing melabur di Malaysia untuk menjana ekonomi negara. Kerajaan telah menggariskan pelan baru pada tahun 1960 iaitu Dasar Perindustrian Negara. Hasil laporan yang dikeluarkan oleh *The International Bank* bagi tujuan pemulihan dan pembangunan 1957, telah mencadangkan kerajaan untuk mewujudkan iklim pelaburan yang lebih rancak dari pihak swasta tempatan dan asing. Kerajaan juga disarankan untuk meningkatkan prestasi kemudahan awam seperti talian telekomunikasi, bekalan air, bekalan tenaga elektrik dan juga segala kemudahan untuk pembangunan industri negara.⁴⁷

⁴² Timothy Brook and Hy. V. Laong, *Culture and Economy The Shaping of Capitalism in Estern Asia*, United State America: The University of Michigan Press, 1997, hlm. 155.

⁴³ *Far Eastern Economic Review*, 28 Disember 1995 dan 4 Januari 1996.

⁴⁴ Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Malaysia Edisi Ketiga*, hlm. 66.

⁴⁵ Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Malaysia Edisi Ketiga*, hlm. 79.

⁴⁶ Keluaran Negara Kasar (KNK) ialah jumlah nilai semua barangan dan perkhidmatan akhir yang di keluarkan dalam negara pada tahun tertentu, ditambah dengan pendapatan yang diperolehi oleh rakyat tolak pendapatan bukan pemastautin negara. KNK mengukur nilai barangan dan perkhidmatan rakyat di negara ini dihasilkan tanpa mengira lokasi mereka. KNK adalah salah satu ukuran keadaan ekonomi negara, di bawah andaian bahawa yang lebih tinggi KNK membawa kepada kualiti hidup yang lebih tinggi, membandingkan taraf hidup antara negara dan menggambarkan pertumbuhan kebajikan masyarakat dari tahun ke tahun.

⁴⁷ Laporan daripada *The Economic of Malaya* (Baltimore, John Hopkins Press, 1957), hlm. 417. Petikan diambil dari *An Evaluation of Export Processing Zone in Selected Asian Countries*, ESCAP/UNCYC, Cetakan Bersiri B, No. 8, hlm. 144.

Maka sebagai memberi tindak balas kepada laporan tersebut, pihak kerajaan telah menetapkan garis panduan untuk menyemarakkan bidang perindustrian negara. Kerajaan telah memberi bantuan sewajarnya kepada syarikat yang berstatus 'printis' iaitu syarikat yang baru melibatkan diri dalam industri pembuatan negara. Syarikat perintis akan diberi pelepasan cukai pendapatan dan diberi elaun untuk pelaburan modal.⁴⁸ Perkara ini telah dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia setiap lima tahun dan boleh diubah mengikut keperluan semasa. Insentif ini diwujudkan adalah untuk mengimbangi keperluan asas perindustrian negara yang masih baru bermula.⁴⁹ Melalui dasar ini, golongan pengusaha yang mempunyai modal dan keupayaan untuk menceburi bidang perindustrian, golongan penduduk biasa akan mendapat faedah dari kesan limpahan yang wujud, seperti melalui gunatenaga dan aktiviti sampingan yang diwujudkan.⁵⁰

Dalam bidang ini, Robert Kuok sangat bijak menggunakan peluang ini dan berusaha mendapatkan 'taraf perintis' untuk perniagaan beliau yang berasaskan tepung dan gula di *Malaysian Sugar Manufacturing* (MSM). Beliau telah membuka kilangnya sendiri di Prai Utara, Pulau Pinang. Kehebatan beliau dalam menjalinkan hubungan baik dengan golongan politik negara dan rangkaian ahli perniagaan yang lain telah membuka ruang yang luas kepada Kuok Brothers Sdn. Bhd. untuk mendapat keutamaan dalam memperkukuhkan empayar perniagaannya. Beliau telah membina kepercayaan yang mendalam melalui kebolehan beliau dalam mengurus perniagaannya. Hasil kepercayaan inilah telah memudahkan beliau untuk memperoleh tanah dan kemudahan asas yang lain.⁵¹

Ketika Rancangan Malaysia Pertama dilancarkan, Kerajaan telah menyatakan bahawa dengan pembukaan kilang petroleum, gula dan tepung, industri pembuatan di Malaysia mula berkembang dengan baik.⁵² Pada ketika itu Kuok Brothes Sdn. Bhd. telah berada dilandasan yang tepat. Syarikat ini telah membuka *Malayan Sugar Manufacturing* (MSM) dan *Federal Flour Mills Berhad*.⁵³ Dalam masa yang sama kerajaan telah menggubal dasar perindustrian daripada mengimport barang keperluan asas kepada mengeksport barang keperluan dan menggalakkan rakyat menggunakan barangan buatan tempatan.⁵⁴

Pada tahun 1964, MSM telah memulakan operasi penapisan gula. Maka wajarlah untuk mereka mempunyai ladang tebu sendiri supaya mereka tidak perlu mengimport gula mentah dari luar negara. Dalam waktu yang sama, pembukaan ladang tebu juga diharap dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia iaitu sebanyak 182,400 orang pada kadar 3.4 peratus ada tahun 1980.⁵⁵ Melalui kadar pengangguran yang tinggi ini, dapat memeperlihatkan kadar kemiskinan warga luar bandar yang agak merunsingkan pada ketika itu. Selain itu dengan perusahaan ladang tebu juga diharap akan dapat menampung keperluan permintaan pasaran gula tempatan sebanyak 60,000 tan metriks setahun.⁵⁶ Robert Kuok melihat perkara ini sebagai peluang untuk memperkukuhkan empayar perniagaannya yang sememangnya memberi fokus membekalkan keperluan asas rakyat Malaysia.

⁴⁸ Timothy Brook and Hy. V. Laong, *Culture and Economy The Shaping of Capitalism in Estern Asia*, hlm. 154.

⁴⁹ Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990, hlm. 21.

⁵⁰ Chamhuri Siwar, *Isu-Isu Ekonomi Kuala Lumpur*. Dewan Bahasa Pustaka, 1988, hlm. 138.

⁵¹ Irene Sia, 1995, "Robert Kuok – The Man", hlm. 61.

⁵² Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Malaysia Edisi Ketiga*, hlm. 89.

⁵³ Timothy Brook and Hy. V. Laong, *Culture and Economy The Shaping of Capitalism in Estern Asia*, hlm. 154.

⁵⁴ Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Malaysia Edisi Ketiga*, hlm. 89.

⁵⁵ Statistik Utama, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya, 1982.

⁵⁶ Laporan Malayan Sugar Manufacturing, Pulau Pinang, 1968.

Dengan bantuan *The Refinery Sugar Colonial Queensland*⁵⁷ yang merupakan pembekal gula mentah kepada MSM, telah menghantar pakar-pakar dari industri gula untuk mengkaji mengenai kesesuaian tanah bagi tujuan penanaman tebu tempatan. Kehadiran pakar-pakar gula ini adalah untuk mengesahkan laporan yang dikeluarkan oleh Rancangan Colombo pada 1965.⁵⁸ Malaysia mula meniru empat negara '*Tiger Asia*'⁵⁹ (Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong, dan Singapura) dan sepakat untuk peralihan daripada kebergantungan kepada perlombongan dan pertanian kepada ekonomi industri pembuatan.⁶⁰

Usaha Robert Kuok untuk membuka ladang tebu di Chuping, Perlis dan kilang pemrosesan gula di kawasan ladang tebu telah membuahkan hasil dan perkembangannya sangat pesat dan luar biasa, sejak 1976.⁶¹ Bantuan dan sokongan dari pihak kerajaan telah menjadikan industri gula dan PPB menjadi sebuah syarikat yang kuat dari segi pegangan ekonomi. Untuk tujuan galakan ini, Ordinan Taraf Perintis (1958)⁶², Akta Galakan Pelaburan (1968) dan Akta Pelaburan Pindaan (1980) telah diwujudkan.⁶³ Pengenalan status perintis atau 'Industri Bayi' yang memberi perlindungan kepada pengusaha-pengusaha baru dalam dunia perindustrian di Malaysia.⁶⁴ Dasar pengenalan status 'Industri Bayi' adalah berpandukan kepada Frederich List, seorang ahli ekonomi Jerman yang memperkenalkan ideologi ini kepada negara yang baru membangun selepas Perang Dunia Kedua, 1945.⁶⁵ Pelaksanaan tarif perlindungan dan subsidi bertujuan untuk membangun dan memantapkan status industri tempatan agar dapat bersaing diperingkat global.

7. KESIMPULAN

Tempoh 42 tahun operasi penanaman tebu di ladang tebu Chuping dan pembukaan Kilang Gula FELDA Perlis di negeri Perlis telah memberi implikasi besar kepada pertumbuhan dan pembangunan sosioekonomi. Pembangunan sosioekonomi yang dibawa oleh industri gula Perlis dapat dirasai oleh pekerja kilang dan ladang serta penduduk tempatan. Kemunculan Industri ini juga menjadi penyumbang kepada kerancakkan ekonomi negeri dari segi pelaburan dan pembangunan infrastuktur. Tahun 1970 telah menyaksikan pertumbuhan industri pembuatan makanan sebagai industri utama negara. Status yang dipegang oleh industri gula adalah sangat besar maknanya kepada seluruh masyarakat di negara ini.

⁵⁷ Ketika negara sedang melalui zaman pra-kemerdekaan, pihak penjajah melalui C. Czanarkow hanya mengedarkan gula ke London sahaja tidak kepada lain-lain negara. Tetapi hubungan baik dalam perniagaan yang dijalin oleh Kuok membolehkan syarikat ini bersetuju menjadi pembekal gula mentah ke Malaysia untuk diproses di MSM. Maka di sini dapat dilihat kehebatan Robert Kuok dalam arena industri gula sejak dari mula lagi memang tidak dapat dinafikan.

⁵⁸ Irene Sia, 1995, "Robert Kuok – The Man", hlm. 61.

⁵⁹ Asian Tiger : merupakan empat buah negara Asia yang mengalami pertumbuhan ekonomi pesat dan pembangunan industri dalam tempoh paling cepat iaitu seawal 1960-1990.

⁶⁰ Timothy Brook and Hy. V. Laong, *Culture and Economy The Shaping of Capitalism in Eastern Asia*, hlm. 155.

⁶¹ *Far Eastern Economic Review*, 28 Disember 1995, 4 Januari 1996.

⁶² Taraf Perintis: Pelepasan cukai selama dua hingga lima tahun akan diberi bergantung kepada jumlah pelaburan modal tetapnya daripada kurang RM250,000 hingga kepada lebih dari RM1 juta. Tambahan pengecualian cukai akan diberikan selama satu tahun lagi, jika mana-mana syarat tambahan berikut dipenuhi:

- i) Kilangnya terletak di kawasan pembangunan kerajaan.
- ii) Jika barang keluaran kilang yang diutamakan oleh kerajaan atau
- iii) Jika keluaran tersebut menggunakan lebih 50 peratus bahan-bahan mentah tempatan.

⁶³ Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, *Ekonomi Malaysia Edisi Ketiga*, hlm. 68.

⁶⁴ Ozay Mehmet, *Pagar Makan Padi! Amanah, Kemiskinan dan Kekayaan di Bawah Dasar Ekonomi Baru*, Kuala Lumpur: Insan, 1987, hlm. 6.

⁶⁵ Frederich List, *The National System of Political Economy*, New York, 1966, hlm.82.